

Selesaikan sebelah **kredit** pula (pengiraan dalam RM).

Bank = $7252+7200+10500+5320 = \text{RM}30272$ (atau boleh rujuk Buku Tunai)

Pulangan Jualan = $1130+2850 = \text{RM}3980$ (atau boleh rujuk jumlah akhir Jurnal Pulangan Jualan)

Diskaun diberi = $148+280 = \text{RM}428$ (atau boleh rujuk Buku Tunai debit, lajur diskaun)

Hutang lapuk = RM1500 (rujuk pelarasan)

Masukkan jawapan di atas ke dalam Akaun Kawalan Penghutang tadi.

Akaun Kawalan Penghutang

Tarikh	Butir	Fol	Debit	Tarikh	Butir	Fol	Kredit
Apr 1	Baki b/b		24100	Apr 30	Bank		30272
30	Jualan		45020		Pulangan Jualan		3980
					Diskaun diberi		428
					Hutang lapuk		1500
					Baki h/b*		32940
			69120				69120

*Kirakan baki akhir lejar di atas. Pastikan jumlahnya sama dengan lejar penghutang individu (Baki h/b RM15640 + RM17300)

Sekarang, aplikasikan kaedah yang telah diterangkan di atas untuk menyediakan pula Akaun Kawalan Pemiutang. Selamat mencuba!!!